

Cadang beri zakat kepada pelajar UA

Gombak: Kerajaan bercadang mengagihkan sumbangan zakat kepada penuntut universiti awam (UA) yang menikmati bantuan *Food Bank* Siswa bermula tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sebagai permulaan kelompok penuntut yang layak akan menerima agihan zakat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum diperluaskan kepada agensi lain di bawah kementerianya.

“Setiap tahun SSM ada agihan zakat cuma ada sedikit idea kelainan untuk tahun depan.

“Di universiti, kita ada sejumlah pelajar yang kita kenal pasti datang daripada keluarga berpendapatan rendah yang sekarang menikmati bantuan makanan *Food Bank*.”

“Jadi kelompok ini kalau kita bantu lagi dengan pemberian zakat sudah pasti membantu meringankan beban kewangan mereka secara sangat signifikan dengan cara itu mereka boleh beri tumpuan kepada pengajian,”



SAIFUDDIN

katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran IUM Mahabbah Food Bank di UIAM di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Zulkifli Hasan dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan *Food Bank* Malaysia Ab Wahab Long.

UIAM adalah universiti ke-20 yang menyertai program *Food Bank* Siswa yang setakat ini memberi manfaat kepada 6,470 penuntut seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya akan membincangkan lanjut jumlah serta bilangan penerima yang layak menerima zakat berkenaan.